

29/10/1999

Anwar tahu motif Daim bangkit aduan

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad marah kepadanya apabila membangkitkan aduan Tun Daim Zainuddin berhubung perbelanjaan Perwaja dan tanah yang dimiliki seorang ahli perniagaan.

Anwar berkata, dia mendapat tahu motif Daim meminta membangkitkan aduan itu supaya Perdana Menteri memarahinya kerana projek itu membabitkan kroni Dr Mahathir.

Katanya, sebelum itu, Daim pernah menulis surat kepadanya menuduh kos kilang besi Perwaja yang diluluskan Perdana Menteri memakan belanja beratus juta ringgit melebihi daripada kos sebenarnya.

Dia berkata, dalam surat itu Daim juga mengadu kepadanya berhubung kelulusan tanah di Kuala Lumpur dan Pulau Langkawi kepada Tan Sri Vincent Tan.

"Tun Daim membangkitkan kelulusan projek Pengeluar Tenaga Persendirian (IPP) Perlis yang pada pendapatnya (Daim) tidak sepatutnya diberikan 60 peratus kepada Kumpulan YTL," katanya.

Bagaimanapun, Anwar berkata dia tahu Daim membangkitkan perkara itu kerana Daim sendiri ingin mendapatkan projek berkenaan.

Sehubungan itu, katanya, dia menemui Perdana Menteri pada sekitar 1995, 1996 dan 1997 untuk membangkitkan aduan Daim itu.

"Saya bangkitkan aduan itu dengan cara hormat dan sopan, faham kepekaannya, tetapi beberapa fakta terpaksa saya kemukakan kerana dalam kes Perwaja umpamanya kos memang melambung tinggi.

"Tetapi Perdana Menteri tidak senang dengan keputusan saya dan Kementerian Kewangan melantik juruaudit bebas Price Waterhouse pada masa itu untuk meneliti disebabkan semua keputusan dibuat langsung oleh Perdana Menteri atas cadangan Tan Sri Eric Chia.

"Mengenai tanah Tan Sri Vincent Tan, Perdana Menteri kata bahawa bukan bidang kuasa saya. Saya katakan ramai berpendapat bahawa Tan Sri Vincent Tan dapat terlalu banyak kemudahan dan tanah serta ini dibangkitkan semula oleh Tun Daim kepada saya," katanya.

Menjawab soalan peguam belanya, Christopher Fernando, adakah hubungannya dengan Perdana Menteri berubah sejak itu, Anwar berkata: Yang Arif, tidak ketara pada ketika itu walaupun mungkin tidak semesra sebelumnya. (Anwar kelihatan tersenyum).

Fernando: Adakah Perdana Menteri gembira atau tidak bila Datuk Seri bangkitkan aduan itu?

Anwar: Saya sekadar beri pandangan, saya tidak sekali membantah keputusan Perdana Menteri. Tetapi saya terpaksa mengemukakan pandangan yang saya percayai boleh membantu keputusan yang bersih. Perdana Menteri kurang senang kerana pada beliau, TPM (Timbalan Perdana Menteri) dan Menteri itu "diajar dan ikut saja".

Hakim Datuk Ariffin Jaka mencelah: Macam kerbau.

Sebelum itu, Anwar berkata pertelingkahan pertamanya dengan Daim berlaku berpunca dengan permintaan Perdana Menteri kepadanya supaya mengusahakan pengambilalihan Kumpulan New Straits Times Press (M) Bhd.

Katanya, kumpulan NSTP ketika itu dikuasai oleh kumpulan korporat Daim dan dia diminta berbincang dengan kumpulan pengarang dan pengurusan syarikat berkenaan mengambil alih kumpulan media terbesar di negara ini.

"Kumpulan baru itu akan diasaskan atas nama Realmild Sdn Bhd dengan 70 peratus saham dipegang oleh Dr Mahathir dan selebihnya diagihkan kepada

empat pengarang dan pengurusan kumpulan NSTP.

"Kumpulan ini berfungsi di bawah MRCB (Malaysian Resources Corporation Bhd). Ia punca pertelingkahan pertama yang besar. Tun Daim marah dan menganggap saya yang menguasai syarikat itu, padahal kenyataannya dipegang oleh Dr Mahathir.

"Walau bagaimanapun, Tun Daim masih mempunyai pengaruh besar melalui proksinya, Datuk Kadir Jasin," katanya.

Perbincaraan bersambung esok.

(END)